

Strategi Kristianisasi di Daerah Kota Marudu, 1985-1994

Bainol Lazimin¹

Manuskip diterima: 26 September 2018

Diterima untuk penerbitan: 8 Oktober 2018

¹ Calon Sarjana di Program Sejarah Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Email: bennolsilva@yahoo.com

Abstract

This article discusses the Christian missionary strategy in spreading their religion in Kota Marudu. The focus of the study is on the Kadazandusun community, which represents the majority of Christians in the area. This study is based on the results of field research, document analysis, and interviews with authoritative individuals, such as priests, pastors, church leaders and elders of the churches. The aspect of Christian propagation strategy becomes the key to this discussion, which has a direct and indirect relationship with the ruling political leaders and parties. This involves the government's policy in term of leadership, advocacy, education, mass media and financial assistance. The involvement of the government in the Christian mission is less visible, but it became the facilitator of the mission of the churches.

Keywords: Christianity, Missionary, Kadazandusun, Kota Marudu

Abstrak

Artikel ini membincangkan strategi mubaligh Kristian dalam mengembangkan agama di Kota Marudu. Tumpuan diberikan kepada masyarakat kaum Kadazandusun, yang merupakan penganut majoriti agama Kristian di kawasan kajian. Kajian ini berdasarkan hasil kajian lapangan, analisis dokumen, dan temubual dengan individu berautoriti, seperti pendeta, pastor, ketua gereja dan orang tua dalam gereja. Aspek strategi penyebaran Kristian menjadi kunci perbincangan ini, yang mempunyai kaitan secara langsung dan tidak langsung dengan pemimpin dan parti politik yang memerintah. Ini melibatkan dasar pemerintah dari sudut kepimpinan, perundangan, pendidikan, media

massa dan bantuan kewangan. Keterlibatan pihak pemerintah dalam misi pengkristianan adalah kurang kelihatan, tetapi menjadi pemudah cara kepada misi pihak gereja.

Kata Kunci: Kristianisasi, Mubaligh, Kadazandusun, Kota Marudu

Pengenalan

Agama Kristian hanya bertapak di Sabah selepas kedatangan orang Barat pada abad ke-19. Pada masa itu penduduk peribumi Sabah, khususnya dalam kalangan masyarakat Kadazandusun masih mengamalkan budaya pagan atau sistem kepercayaan animisme. Misi Kristian berkesan dan berjaya menambat hati penduduk peribumi ini untuk keluar daripada budaya pagan dan memilih untuk menganut Kristian. Pada awal abad ke-19, pentadbiran agama Kristian di Sabah berpusat di Sarawak, sebelum dipindahkan ke Labuan.¹

Kegiatan mubaligh agama Kristian bermula dengan kedatangan mazhab Anglikan, khususnya apabila Rev. Father Francis Thomas McDouglas dilantik sebagai Bishop bagi Labuan dan Sarawak pada 22 Oktober 1855. Kemudiannya barulah pelbagai mazhab Kristian menyusul.² Untuk negeri Sabah, agama Kristian memulakan pertapakannya di Kudat, Sandakan, Tawau dan juga Papar sebagai pusat pentadbiran yang terawal. Kawasan tersebut merupakan pusat pentadbiran awal Kristian kerana terletak di pesisir. Inilah sebabnya kawasan bandar yang menjadi tumpuan pentadbiran Kristian dan didominasi oleh gereja mazhab Anglikan dan Basel.

Kemudiannya gereja mazhab Anglikan dan mazhab yang lain telah masuk ke kawasan pedalaman, seperti Roman Catholic, Protestant Church in Sabah (PCS), Sidang Injil Borneo (SIB) dan Seventh-Day Adventist. Gereja tersebut merupakan mazhab yang utama, dan terdapat banyak lagi mazhab lain yang terdapat di Sabah, yang tidak dapat dipastikan bilangan sebenarnya. Perkembangan gereja mazhab utama ini berpaksi kepada hubungan dan sokongan daripada kerajaan yang

¹ Y. S. Richard, *Sejarah Gereja Sidang Injil Borneo*. Kuala Lumpur: Nipuhawang Publishing, 1999, hlm. 113.

² *Ibid.*

memerintah negeri Sabah, termasuk badan mubaligh luar negara, dan juga badan sokongan gereja serta peranan media massa yang ditunjangi penganut Kristian.³ Perkara ini boleh dilihat dengan jelas setelah tahun 1985, apabila Parti Bersatu Sabah (PBS) memerintah Sabah dengan diketuai oleh Joseph Pairin Kitingan. PBS memerintah Sabah dari tahun 1985 hingga 1994.

Latar Belakang Kajian

Di Kota Marudu, perbincangan mengenai agama Kristian boleh dikupas melalui beberapa mahzab utama. Mazhab Kristian yang utama di Kota Marudu adalah Roman Katolik. Dianggarkan mazhab Katolik mempunyai 12 peratus penganut dalam kalangan masyarakat Kadazandusun. Di mukim Tandek, hampir di setiap kampung masyarakat Kadazandusun memiliki sebuah gereja, dan terdapat papan tanda yang dipasang pada setiap simpang jalan utama di Tandek. Antara kampung yang dimaksudkan ialah, seperti Kg. Morion, Kg. Salimandut, Kg. Rasak, Kg. Pinatau dan Kg. Tanjung Batu. Gereja St.Theresa yang terletak di kawasan bandar kecil Kota Marudu menjadi pusat kepada jemaah gereja Katolik. Gereja ini beribadat pada hari Ahad sebagai hari ketujuh yang dianggap suci bagi penganut Katolik.

Sidang Injil Borneo (SIB) merupakan mazhab yang bertapak di Kota Marudu sekitar tahun 1958 dan berkembang melalui pelbagai aktiviti dakwah yang dijalankan secara berterusan sejak ditubuhkan.⁴ Antara gereja awal yang dibina sebagai penggerak aktiviti dakwah gereja SIB di Kota Marudu ialah Gereja Kg. Soronsob, Gereja Kg. Tagaroh, Gereja Kg. Marak-Parak, dan Gereja Kg. Talantang. Namun begitu, mazhab SIB ini lebih berkembang cepat dan pesat di kawasan yang bersempadan dengan daerah Kudat, seperti pekan Motunggung. Manakala di mukim Tandek, terdapat 52 buah gereja SIB setakat tahun 1994.⁵

Mazhab Seventh-Day Adventist (SDA) berkembang dengan pesat dalam kalangan penduduk di sekitar pekan Kota Marudu. Gereja utama

³ Mat Zin Mat Kib, *Kristian di Sabah: 1881-1994*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003, hlm. 98.

⁴ Sidang Injil Borneo, *Buku Panduan dan Peraturan Sidang Injil Borneo*. Sabah dan Sarawak: Sidang Injil Borneo, 1989, hlmh 12.

⁵Ibid., hlm. 27.

SDA ialah Gereja SDA Goshen, dan Gereja SDA Damai. Kedua-dua gereja SDA ini mempunyai pengikut dari beberapa lapisan masyarakat kaum, khususnya Kadazandusun, Cina dan Rungus. Dari aspek amalan, SDA beribadah pada hari Sabtu sebagai hari ketujuh menurut akidah agamanya.

Permasalahan Kajian

Era pemerintahan PBS menampakkan berlaku usaha menyebarkan agama Kristian kepada penduduk di Kota Marudu dengan begitu aktif dan berkesan. Ramai penduduk peribumi telah berjaya ‘dibaptis’ oleh pendeta atau paderi, dan tidak kurang juga penduduk yang pernah beragama Islam atau golongan mualaf telah kembali semula menganut Kristian. Walaupun PBS dilihat sebagai parti politik yang berbilang kaum dan agama, namun peranannya sebagai benteng Kristian di Sabah tidak boleh dinafikan. Tambahan pula presidennya, Joseph Pairin Kitingan merupakan pemimpin yang beragama Kristian dari mazhab Katolik.

Permasalahan utama menjurus strategi pendakwahan yang dijalankan oleh mubaligh untuk mengembangkan agama Kristian pada era pemerintahan PBS di Sabah. Permasalahan kedua ditumpu kepada gerakan Kristianisasi oleh kerajaan PBS dari tahun 1985 hingga 1994. Sejarah gerakan Kristianisasi di Sabah pernah dikaji oleh Ismail Yusoff, Mat Zin Mat Kib, Maria Sami, Suraya Sintang dan Mohamad Agus Yusof dari perspektif tertentu, tetapi masih perlu untuk menilitinya dari perspektif PBS sendiri, khususnya dari perspektif golongan mubaligh di Kota Marudu. Pengaruh politik PBS dalam gerakan Kristianisasi di Kota Marudu adalah signifikan dengan menyokong strategi pendakwahan golongan mubaligh. Dengan kata lain, peranan pemimpin PBS dengan melibatkan pemimpin di peringkat ADUN dan Parlimen telah banyak menyumbang kepada strategi mubaligh dalam gerakan Kristianisasi di Kota Marudu dan Sabah amnya.

Pentadbiran kerajaan PBS di Sabah dari segi aspek tertentu yang terkandung dalam dasar yang dilaksanakan rmempunyai kesan yang signifikan kepada strategi pengembangan agama kristian di Kota Marudu. Antara aspek tersebut ialah bantuan kewangan dan insentif projek pembangunan gereja, corak kepimpinan, perundangan, pendidikan dan media massa.

Skop Kajian

Kawasan kajian ini adalah di Daerah Kota Marudu. Kawasan ini penting dari segi ciri demografi penduduk yang hampir seimbang antara penganut Islam dan Kristian. Wujud kesan perubahan pola pertumbuhan penganut Kristian yang ketara dari tahun 1985 hingga 1994 di kawasan daerah tersebut.⁶

Skop masa tahun 1985-1994 merupakan tempoh bermula dan berakhirnya era pentadbiran PBS dan Ketua Menteri Joseph Pairin Kitingan di Sabah. PBS telah muncul dengan agenda mengembangkan agama Kristian sejak permulaan pentadbirannya pada tahun 1985. Kemudian, pada akhir pentadbiran PBS menampakkan satu perubahan besar dalam aspek politik Sabah kepada pentadbiran UMNO. Perubahan politik ini juga dilihat sebagai peralihan agama utama, iaitu daripada Kristian kepada Islam di Sabah. Justeru itu, PBS dilabelkan sebagai parti Kristian sementara parti UMNO sebagai parti Islam.⁷

Objektif Kajian

Kajian ini mengariskan empat objektif, iaitu; pertama, membincangkan asal usul gerakan Kristianisasi secara umum dan khusus di Daerah Kota Marudu. Kedua, menganalisis asal usul PBS secara umum dan khusus di Daerah Kota Marudu. Ketiga, menganalisis dasar pentadbiran PBS dan sumbangan kepada strategi gerakan Kristianisai di Kota Marudu. Dan, keempat, menilai kesan strategi Kristianisasi oleh mualigh di Kota Marudu.

Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk memahami sejarah pengembangan agama Kristian di negeri Sabah, terutamanya aspek hubungan antara politik dan agama. Dari konteks politik di Sabah, perkembangan parti politik dilihat cenderung bersifat mengikut etnik atau kaum di Sabah. Apabila Sabah mula terlibat dalam Gagasan Malaysia pada pertengahan tahun 1961, parti politik berdasarkan kumpulan etnik telah ditubuhkan untuk tujuang mempertahankan hak etnik masing-masing dalam gagasan tersebut.

⁶ Y. S. Richard, *Sejarah Gereja Sidang Injil Borneo*, hlm. 31.

⁷ Mat Zin Mat Kib, Kumpulan Etnik Kadazan di Sabah: Antara Asas Etnografi atau Agenda Politik. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*. Vol. 12, 2011, hlm. 15 -28.

Kajian ini juga penting sebagai rujukan akademik tentang strategi pengembangan agama Kristian dalam kalangan masyarakat penduduk di Sabah. Pemilihan kajian secara khusus di Daerah Kota Marudu boleh menjadi model kajian berkaitan dengan gerakan Kristianisasi yang dijalankan di seluruh negeri Sabah pada era pentadbiran PBS. Aspek kandungan dasar pentadbiran PBS berkaitan dengan usaha untuk mengembangkan agama Kristian, termasuk peranan beberapa mazhab Kristian akan didedahkan dan diuraikan secara kritis melalui kajian ini.

Melalui kajian ini, maklumat dari perspektif PBS dan mubaligh Kristian akan dikemukakan dengan harapan menjadi panduan yang berguna kepada pihak kerajaan. Maklumat tersebut dapat membantu pihak kerajaan dari segi penyediaan sebarang bentuk perkhidmatan dan bantuan yang diperlukan oleh masyarakat Krisitian di Daerah Kota Marudu. Khususnya, maklumat kajian ini boleh menjadi rujukan kepada pihak kerajaan dalam usaha menggubal dasar pentadbiran pada masa akan datang.

Ulasan Kajian Lepas

Terdapat beberapa karya lepas yang berkaitan hubungan antara politik dan agama di Sabah. Misalnya, karya Ismail Yusoff bertajuk *Politik dan Agama di Sabah*,⁸ dan Mat Zin Mat Kib bertajuk *Kristian di Sabah*⁹ memerihalkan mengenai agama Kristian dari sudut perspektif agama dan masyarakat Islam di Sabah. Mereka menjelaskan bahawa perkembangan politik di Sabah mempunyai hubungan yang erat dengan penyebaran agama Kristian. Wujud hubungan secara langsung dalam penyebaran agama Kristian dengan peralihan kuasa politik di Sabah, iaitu bermula dengan parti USNO kepada parti BERJAYA dan seterusnya PBS. Hal ini kerana, mereka berpandangan bahawa selepas USNO dan BERJAYA tewas dalam pilihan raya pada tahun 1985, agama Kristian telah mula sangat aktif dan berkembang dengan begitu pesat. Kajian mereka memperkenalkan pendekatan berasaskan agama untuk memperlihatkan dimensi politik di Sabah. Berdasarkan pendekatan tersebut, permasalahan konflik politik di Sabah dikatakan berpunca daripada isu keagamaan. Ini dikaitkan dengan kesan cita-cita dan pakatan golongan Kristian antarabangsa untuk menjadikan Sabah

⁸ Ismail Yusoff, *Politik dan Agama di Sabah*, hlm. 74.

⁹ *Ibid.*, hlm. 74.

bersama-sama Filipina sebagai wilayah yang didominasi oleh agama Kristian. Dalam masa yang sama, Islam cuba mempertahankan dominasinya. Tegasnya, konflik politik di Sabah telah berlaku akibat pertembungan antara dua peradaban besar dunia, iaitu Islam dan Kristian.¹⁰ Dalam kajian mereka, kaedah temu bual, pemerhatian, rujukan sumber buku, dokumen dan surat-menyurat digunakan, serta memberi andaian mereka sendiri. Tambahan sudut penggunaan sumber, mereka cenderung menggunakan sumber yang bersifat Islamik atau hasil karya oleh golongan penyelidik Islam. Khususnya, Mat Zin Mat Kib menggunakan hampir keseluruhan sumber yang digunakan adalah diperolehi daripada masyarakat Islam, terutamanya buku.

Tidak kurang juga wujud kajian lepas yang dihasilkan dari sudut perspektif Kristian. Misalnya, karya oleh Maria Sami yang bertajuk, *Sejarah Perkembangan Agama Kristian Katolik di Tuaran, Sabah, 1930-1994*;¹¹ L. M. Parsons yang bertajuk, *The Catholic Church in Borneo*;¹² R. Nicholls yang bertajuk, *The Mission of Father Antonio Ventimiglia to Borneo*;¹³ dan Y. S. Richard yang bertajuk, *Sejarah Gereja Sidang Injil Borneo*.¹⁴ Menurut semua karya tersebut, bahawa agama Kristian di Sabah mula bertapak dan berkembang dengan lebih berkesan di kawasan petempatan masyarakat Dusun. Ini adalah kerana masyarakat Dusun adalah majoritinya mengamalkan kepercayaan animisme sebelum kedatangan agama Kristian.¹⁵ Oleh sebab itu, masyarakat Dusun lebih selesa untuk menerima agama Kristian disebabkan lebih sesuai atau hampir sepadan dengan unsur amalan kepercayaan animisme mereka sebelumnya. Misalnya, kajian Maria Sami mengupas tentang reaksi, kesan dan bentuk aktiviti yang dijalankan oleh mubaligh Kristian dalam

¹⁰ *Ibid.*, hlm. 75.

¹¹ Maria Sami, *Sejarah Perkembangan Agama Kristian Katolik di Tuaran, Sabah, 1930-1994, Latihan Ilmiah*, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, 2009, hlm. 18.

¹² L. M. Parsons, *The Catholic Church in Borneo, Sabah Society Journal*, Vol. 3 (3), 1967.

¹³ R. Nicholl, *The Mission of Father Antonio Ventimiglia to Borneo, Brunei Museum Journal*, Vol. 2, 1972, hlm. 183-205.

¹⁴ Y. S. Richard, *Sejarah Gereja Sidang Injil Borneo*, hlm. 52.

¹⁵ Maria Sami, *Sejarah Perkembangan Agama Kristian Katolik di Tuaran, Sabah, 1930-1994*, hlm. 18.

menjayakan penyebaran dan perkembangan agama di Daerah Tuaran. Dari aspek kaedah penyelidikan, kajian mereka menggunakan kaedah temu bual dan menggunakan sumber badan gereja, badan bukan-kerajaan, dan arkib. Misalnya, Y. S. Richard banyak menggunakan sumber gereja, seperti dokumen dan laporan.

Dari sudut perspektif politik, Mohammad Agus Yusoff dalam karya, *Sabah Politics Under Pairin* mengpuasa peranan dan hubungan PBS dan masyarakat Kadazandusun di Sabah sejak penubuhan parti ini pada tahun 1984, terutamanya dengan sokongan daripada masyarakat Kristian. Dalam pilihan raya Sabah pada tahun 1986, kebanyakan kawasan yang majoriti masyarakat Kristian, khususnya kaum Kazadandusun memberi kemenangan oleh calon PBS. Kawasan tersebut, seperti Tenom, Keningau, Nabawan, Tambunan, Kota Marudu, Kudat, dan Pitas telah dimenangi oleh PBS. Justeru PBS merupakan parti yang sinonim dengan agama dan etnik Kadazadusun sehingga lahir tanggapan bahawa PBS sebuah parti Kristian dan bersifat politik perkauman.¹⁶

Manakala beberapa karya, seperti oleh Suraya Sintang bertajuk *Kehidupan Beragama Masyarakat Kaum Kadazandusun*; Kok On Low bertajuk *Membaca Mitos dan Legenda Kadazandusun*; Japuin Madisah bertajuk, *Tatacara Adat Istiadat dan Kebudayaan Kadazan*; Dayu Sansulu bertajuk *Kadazandusun di Sabah: Pendidikan dan Proses Pembangunan 1881-1996*, dan; Arena Wati bertajuk *Pribumi Sabah: Kadazan/Dusun* lebih mengupas corak hidup masyarakat Kadazandusun sebagai penduduk peribumi Sabah. Mereka membincangkan cara hidup dari aspek ekonomi, politik, agama dan kepercayaan. Misalnya, Suraya Sintang mendapati masyarakat Kadazandusun hidup secara harmoni dalam sesebuah kampung walaupun berbeza agama.¹⁷ Hampir kesemua kajian ini menggunakan kaedah temu bual di lapangan.

¹⁶ Mohammad Agus Yusoff, *Sabah Politics Under Pairin*, *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 6 (1), 2001.

¹⁷ Suraya Sintang, *Kehidupan Beragama Masyarakat Kaum Kadazandusun*, Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah, 2007, hlm. 45.

Metodologi Kajian

Pertama, kajian menggunakan kaedah historis dengan mengumpul data dan mentafsir fakta daripada sumber untuk memahami situasi semasa.¹⁸ Kadeah ini mendapatkan data daripada sumber buku dan jurnal untuk bahagian latar belakang kajian tentang asal usul agama Kristian dan PBS di Sabah. Sumber ini diperolehi melalui penyelidikan perpustakaan,¹⁹ seperti Perpustakaan Tunku Bainun UPSI, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya, Perpustakaan UMS, Pejabat PBS Kota Marudu, dan Majlis Daerah Kota Marudu.

Kedua, kajian ini mengguna kaedah temu bual dengan responden yang berkaitan atau terbabit.²⁰ Kaedah ini dilaksanakan secara berasingan pada masa dan tempat mengikut lokasi responden agar dapat menjamin ketelusan data yang diberikan kepada setiap soalan yang diajukan.

Kristian di Kota Marudu Era Pemerintahan PBS

Kekalah parti BERJAYA pada bulan Mei 1986 adalah satu tamparan kepada seluruh rakyat yang beragama Islam di Sabah dan Malaysia amanya. Di Sabah, walaupun penganut Islam pada ketika itu mempunyai kekuatan lebih 52 peratus, tetapi perpaduan mereka adalah lemah. Para pemimpin Islam di dalam USNO dan BERJAYA telah gagal menyatupadukan seluruh penganut Islam untuk membina kekuatan politik, ekonomi, sosial dan pendidikan di Sabah.²¹ Politik Islam di Sabah sedang berpecah, bersengketa sesama sendiri, caci-mencaci, dan kejimegeji sesama sendiri. Politik Sabah memerlukan pemimpin yang dinamis, karismatik dan tegas untuk menggembangkan kekuatan dan sokongan rakyat di Sabah.

¹⁸ Imam Barnadib, *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIPIKIP, 1982, hlm. 42-44.

¹⁹ Mohd Sheffie Abu Bakar, *Metodologi Penyelidikan*. Edisi Ke-2. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1995, hlm. 41.

²⁰ Koentjaraningrat, *Metod-Metod Penelitian Masyarakat*, Jakarta: PT Gramedia, 1977, hlm. 16.

²¹ Yahaya Ismail, *Politik Islam di Sabah*, hlm. 111.

Setelah PBS mengambil kuasa di Sabah, keadaan masyarakat Islam menghadapi krisis politik yang cukup berat.²² Jawatan Ketua Menteri dipegang oleh Joseph Pairin Kitingan, seorang Kristian. Dalam tempoh memegang jawatan Ketua Menteri (1985-1994), usaha dan proses Kristianisasi di Sabah menjadi lebih agresif berbanding sebelumnya. Bantuan kewangan disalurkan kepada mualigh Kristian untuk menyebarluaskan ajaran Kristian. Bahkan penganut Islam yang baharu (mualaf) digalakkan untuk kembali kepada agama asal Kristian dengan pemberian insentif yang lumayan. Terdapat hampir 2,000 gereja telah dibina pada era itu.²³ Kejayaan proses Kristianisasi oleh PBS ini adalah berpaksi kepada strategi mualigh Kristian yang berkesan dengan sokongan pemimpin politik dalam kerajaan PBS. Dengan kata lain, hubungan antara strategi mualigh dan peranan PBS untuk mengembangkan agama Kristian di Kota Marudu adalah berkesan.

Sumbangan Pembinaan Gereja

Pada era pentadbiran PBS, negeri Sabah seringkali dilabelkan sinonim dengan agama Kristian kerana pengambangannya yang pesat. Pemberian insentif atau bantuan kewangan dilakukan melalui wakil rakyat selaku pemimpin politik di sesuatu kawasan. Pemberian bantuan kewangan dan kelulusan untuk permohonan pembinaan gereja dapat dilakukan secara mudah, terutamanya kerana faktor pemimpin politik yang beragama Kristian. Di Daerah Kota Marudu, dianggarkan hampir 30 gereja telah dibina dalam tempoh tahun 1990-1999, khusus di kawasan mukim Tandek.²⁴

Gereja tersebut terdiri daripada tiga mazhab utama, iaitu SDA, SIB, dan Katolik. Antara gereja SDA ialah Gereja Pekan Tandek (1985), Gereja Tingkalanon (1990), Gereja Liabas (1991), Gereja Masin-Asin (1989), Gereja Samparita (1992), Gereja Morion (1993), dan Gereja Salimandut (1989). Pemimpin politik di Kota Marudu pada ketika itu ialah George Sangkin, seorang penganut mazhab SDA yang sangat aktif di Geraja ADA Damai.

²² *Ibid.*, hlm. 114.

²³ Mat Zin Mat Kib, *Kristian di Sabah: 1881-1994*, hlm. 166.

²⁴ Temubual, Jimam Bin Mail, 13 Januari 2016, Kg. Liabas.

Didapati kerajaan PBS sentiasa peka dan prihatin terhadap keperluan masyarakat Kristian di Kota Marudu. Ini terbukti dalam ucapan Pairin Kitingan sempena lawatan di Kota Marudu pada tahun 1991, berkata;

Walaupun kita menghadapi masalah kegawatan ekonomi ketika ini, tetapi sebagai salam perkenalan saya dengan Gereja SIB, maka sukalah saya mengumumkan di sini kelulusan peruntukan kerajaan negeri sebanyak RM250,000 untuk membiayai kerja-kerja tambahan di pusat retreat ini. Saya berharap peruntukan ini akan digunakan sepenuhnya untuk kerja-kerja tambahan, supaya ia akan menjadi wadah yang kukuh ke arah perkongsian pintar kerajaan negeri dan SIB dalam usaha saling melengkapi di antara satu dengan yang lain bagi mewujudkan masyarakat penyayang dan menjamin keharmonian dan kestabilan di negeri ini.²⁵

Selain sumbangan bantuan kewangan daripada pihak kerajaan, setiap gereja memiliki sumber kewangan dan mampu mengatur, mengembangkan, dan membiayai diri sendiri. Dengan kata lain, kemandirian setiap gereja adalah berdasarkan keupayaan untuk mengumpulkan sumber kewangan melalui pemungutan wang persembahan dan persepuhan daripada anggota gereja. Persepuhan merupakan pemberian 10 peratus daripada hasil pendapatan seseorang anggota gereja.

Jadual 1: Jumlah Gereja Kristian di Kota Marudu, 1985-1994

Mazhab	Tahun	1985	1990	1994
Seventh-Day Adventist	7	18	31	
Roman Catholic	15	23	48	
Sidang Injil Borneo	2	9	17	
Gereja Protestan yang lain	0	5	11	

Sumber: Diubahsuai daripada data Perangkaan Majlis Daerah Kota Marudu

²⁵ Buku Cenderamata, *Tadau Tagazo Kaamatan*, 1999, hlm. 5.

Pendidikan

Pendidikan mubaligh telah berjaya mengubah sebahagian corak kehidupan penduduk di Sabah.²⁶ Perubahan yang wujud boleh dilihat dan aspek ekonomi, sosial mahupun politik masyarakat di Daerah Kota Marudu. Antara sekolah mubaligh Kristian yang aktif Kota Marudu ialah Sekolah Rendah Advent Damai (SRAD). Sekolah ini telah ditubuhkan pada tahun 1952 hasil usaha seorang mubaligh dari Indonesia yang dikenali sebagai Pastor Pohan dan dengan kerjasama Missin bin Jumaat selaku Ketua Kampung di Kampung Damai.²⁷

Missin bin Jumaat telah memberikan sebidang tanah kepada SDA untuk mendirikan gereja dan sekolah. Sejak ditubuhkan, sekolah tersebut menghadapi banyak rintangan, terutamanya dari segi kewangan. Sekolah ini pernah ditutup kerana kekurangan murid dan kewangan untuk mengupah guru. Pada tahun 1971, dengan kesedaran penduduk tempatan terhadap kepentingan pendidikan, terutamanya penganut SDA, maka sekolah ini dibuka semula pada tahun berikutnya. Sekolah tersebut mempunyai dua blok bangunan untuk menampung murid Tahun 1 hingga Tahun 6.²⁸ Pada tahun 1989, sebuah kelas tadika diwujudkan untuk penduduk di kawasan Tandek. Guru pertamanya ialah Jaibi Omar.

Di samping itu, penggunaan bahasa Inggeris sebagai pengantar dalam semua mata pelajaran juga mendorong ibubapa menghantar anak mereka ke sekolah ini. Hakikatnya, sekolah ini telah melahirkan ramai pelajar yang berjaya dan menyandang jawatan yang penting dalam sektor swasta atau kerajaan.²⁹ Kemudian mereka ini turut memberi sumbangan dari segi kewangan dan khidmat sukarela kepada aktiviti yang dianjurkan sekolah tersebut. Malah Persatuan Alumni SRAD diketuai oleh Saban Sawayan, pemilik sebuah biro guaman bernama Tetuan Sawayan & Company. Keseluruhan pelajar di sekolah SRAD adalah

²⁶ Dayu Sansulu, *Kadazandusun di Sabah: Pendidikan dan Proses Pembangunan 1881-1967*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008, hlm. 16.

²⁷ Temuduga, Datuk George Sangkin, 7 September 2017, Kg. Damai.

²⁸ Laman Web, Sekolah Rendah Advent Damai, <http://sradamai.blogspot.my/>, Akses 12 April 2017.

²⁹ *Ibid.*

penganut mazhab SDA.³⁰ Justeru aspek pengajaran dan pembelajaran di sekolah tersebut mempunyai jaringan Sistem Pendidikan SDA Se-dunia. Ini bertujuan untuk menjamin kerjasama dalam meningkatkan dan mengendalikan mutu pendidikan SDA di seluruh dunia, iaitu dalam bentuk bantuan teknologi, kewangan, dan sumber daya manusia.

Media Massa

Dalam konteks penyebaran ajaran Kristian, Alkitab tidak hanya dibaca sewaktu ibadah dalam gereja, tetapi pihak gereja juga menggunakan saluran media massa, seperti mencetak buku, risalah dan lain-lain bentuk penulisan untuk tujuan menyampaikan ajaran Kristian. Kemajuan teknologi percetakan telah dapat memudahkan proses penyebaran agama Kristian, terutamanya aktiviti dakwah gereja SDA di Kota Marudu. Seterusnya pembangunan dalam teknologi maklumat dapat memperhebatkan lagi pengembangan gereja di Kota Marudu. Hal ini begitu ketara pada era pentadbiran PBS di Kota Marudu, seperti tayangan filem berunsur agama Kristian. Menurut Majalok Bin Mail,³¹ seorang paderi SDA yang lebih kenali sebagai Mr. Fuad pernah mengunjungi gereja SDA Damai. Beliau telah membawa banyak bahan tentang ajaran agama Kristian.

Bahan yang paling digemari oleh penganut Kristian di Kota Marudu ialah dalam bentuk *Video Compact Disc* (VCD) tentang kisah Yesus, Adam dan Hawa, riwayat hidup Nuh, Musa dan Ben Hur berasaskan cerita dalam Alkitab. Dengan kata, bahan VCD telah digunakan untuk saluran dakwah di setiap gereja. Terdapat dalam keluarga yang mampu membeli alat VCD untuk kegunaan di rumah sendiri. Ini membolehkan jiran atau penduduk sekampung untuk datang menonton bersama-sama. Bahan VCD ini sangat membantu penganut dan bukan penganut Kristian di Kota Marudu untuk menghayati ajaran Kristian. Dengan kata lain, bahan VCD menjadi salah satu media penting dalam strategi mubaligh Kristian untuk berdakwah dan menyebarkan agama Kristian di Kota Marudu.

³⁰ *Ibid.*

³¹ Majalok bin Mail merupakan Ketua Kampung (1995-2005) di Kg. Liabas. Semasa temubual dilakukan, beliau berusia 77 tahun.

Kesimpulan

Proses Kristianisasi kalangan masyarakat tempatan di Kota Marudu, khususnya kaum Kadazandusun adalah berlaku dengan berkesan melalui strategi dakwah, seperti peranan dasar pentadbiran kerajaan PBS, pemimpin politik, pembinaan gereja, pendidikan dan media massa. Faktor politik pada era pentadbiran PBS dapat memberikan jaminan dan keselesaan kepada penyebaran agama Kristian dalam kalangan masyarakat Kadazandusun di Kota Marudu khususnya, dan di Sabah amnya.

Rujukan

Sumber Primer

- SIB Sabah. (1989). *Buku Panduan Dan Peraturan Sidang Injil Borneo*. Sabah dan Sarawak: Sidang Injil Borneo.
Tadau Tagazo Kaamatan. Buku Cenderamata. (1999).

Buku dan Jurnal

- Anderson, J. E. 2006. *Public Policy Making: An Introduction*. Boston: Houghton Mifflin Company.
- Farid Sufian Shuaib. 2005. *Murtad: Kedudukannya di Sisi Islam dan Perlembagaan Malaysia*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication.
- Ghazali Basri. 1999. *Gerakan Kristian*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Imam Barnadib. 1982. *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIPIKIP.
- Ismail Abd. Rahman. 2000. *Gerakan Gereja Katolik di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Yusoff. 2004. *Politik dan Agama di Sabah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kassim Thukiman. 1996. *Malaysia: Perspektif Sejarah dan Politik*. Cetakan Awal. Skudai: UTM.
- Koentjaraningrat. 1977. *Metod-Metod Penelitian Masyarakat*, Jakarta: PT Gramadipa.
- Low, K. O. 2005. *Membaca Mitos dan Legenda Kadazandusun*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Luping, H. J. 1991. *Political Development in Sabah, 1963-1988*. Sabah: Institute for Development Studies.
- Maria Sami. 2009. *Sejarah Perkembangan Agama Kristian Katolik di Tuaran, Sabah, 1930-1994. Latihan Ilmiah*. Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.

- Mat Zin Mat Kib. 2003. *Kristian di Sabah: 1881-1994*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mat Zin Mat Kib. 2011. Kumpulan Etnik Kadazan di Sabah: Antara Asas Etnografi atau Agenda Politik. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*. 12. Hlm. 15-28.
- Mohammad Agus Yusoff. 2001. Sabah Politics Under Pairin. *Journal of Southeast Asian Studies*. 6 (1). Hlm. 29-28.
- Mohd Sheffie Abu Bakar. 1995. *Metodologi Penyelidikan*. Edisi Ke-2. Bangi: Universiti Kebangsaan.
- Muhammad 'Isa Selamat, et al. 1998. *Murtad Kesan dan Kisah Mengenainya*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Nicholls, R. 1972. The Mission of Father Antonio Ventimiglia to Borneo. *Brunei Museum Journal*. 2. Hlm. 183-205.
- Nik Azran Muhamed dan Mohd Mahadi Hj. Isa. 2009. *Gerakan Orientalisme dan Kristianisasi - Ancaman Kepada Ummah*. Selangor: Hijjaz Records Publishing.
- Richard, Y.S. 1999. *Sejarah Gereja Sidang Injil Borneo*. Kuala Lumpur: Nipuhawang Publishing.
- Sansulu, D. 2008. *Kadazandusun di Sabah: Pendidikan dan Proses Pembangunan 1881-1967*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suraya Sintang. 2007. *Kehidupan Beragama Masyarakat Kaum Kadazandusun*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Zakaria @ Mahmod bin Daud. 1995. Agama Kristian Kini dan Pengasasnya. *Jurnal Usuluddin*. Bil. 3. Disember.

Internet

- Laman Web Rasmi Majlis Daerah Kota Marudu. <http://www.sabah.gov.my/md.kmu/index.php/profil-kota-marudu/latar-belakang>. 24 Ogos 2016.
- Laman Web Sekolah Rendah Adevent Damai. <http://sradamai.blogspot.com/2011/07/pendidik.html>. 24 Ogos 2016.

Temubual

- Datuk George Sangkin. 2 September 2016. Kg. Kuranji.
 Bainsol Makampung. 2 September 2016. Kg. Liabas.
 Jaluna Bin Jaga. 1 September 2016. Ketua Kampung. Kg. Liabas.
 Jimam Bin Mail. 1 September 2016. Kg. Liabas.
 Majalok Bin Mail. 3 September 2016. Kg. Liabas.
 Nogiri Bin Gantar. 1 September 2016. Kg. Liabas.
 Runsiai Sumilau. 1 September 2016. Kg. Liabas.